

18 JUN 1999

Rencana-Orang Asli

PENGAMBILAN TANAH BERI GANJARAN BERGANDA KEPADA ORANG ASLI

Oleh: Cik Rashidah Abd Ghani

KUALA LUMPUR: Pengambilan tanah oleh kerajaan untuk pembangunan sering menjadi punca rungutan penduduk; tetapi tidak bagi masyarakat Orang Asli suku Temuan di Bukit Lanjan di sini.

Ini kerana mereka mendapat pakej ganjaran yang cukup lumayan bila tanah diambil Kerajaan Negeri Selangor untuk dimajukan.

Di bawah persetujuan yang dicapai dengan pihak berkuasa, di samping ganjaran wang, mereka mendapat perumahan moden, latihan kemahiran dalam bidang pembinaan untuk belia-belia, tabung pendidikan untuk anak-anak serta pelbagai kemudahan kemasyarakatan.

Ganjaran ini cukup mencerahkan masa depan masyarakat Orang Asli berkenaan serta generasi akan datang. Mereka akan menikmati kehidupan lebih selesa dan moden yang akan membawa satu anjakan paradigma.

Berikutan rancangan pengambilan tanah itu, satu pakej penyelesaian dipersetujui masyarakat Orang Asli menerusi Memorandum Persefahaman yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 28 Nov 1996.

Persetujuan melibatkan tiga pihak iaitu pemaju, Saujana Triangle Sdn Bhd (ahli Syarikat Kumpulan EMKAY), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Lembaga Adat yang mewakili keseluruhan masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA).

Dengan persetujuan itu Kerajaan Negeri Selangor meluluskan pemberimilikan tanah seluas kira-kira 256.44 hektar kepada pemaju iaitu Saujana Triangle Sdn Bhd (STSB), ahli Syarikat Kumpulan EMKAY untuk dimajukan sebagai pembangunan pelbagai.

Sebagai balasan bagi pemberimilikan tanah tersebut Kerajaan Negeri telah mengenakan beberapa syarat kepada pemaju.

Ia termasuklah pampasan wang bagi faedah masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan dalam bentuk pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai RM45,000 setiap keluarga, sarahidup, saguhati perpindahan, pampasan untuk tanaman yang diusahakan, saguhati pemindahan kubur serta peruntukan pengurusan JKKK dan Lembaga Adat.

Syarat itu juga menetapkan bahawa 147 ketua isi rumah Orang Asli Bukit Lanjan mendapat sebuah rumah banglo setingkat yang akan dibina di kawasan penempatan baru seluas 18 hektar di Bukit Lanjan.

Rumah banglo setingkat ini, yang mempunyai empat atau lima bilik tidur serta dua bilik air adalah jauh lebih selesa bagi keluarga Orang Asli yang sebelum ini tinggal dalam pondok-pondok kecil tanpa kemudahan infrastruktur.

Pembinaan rumah banglo itu telah dimulakan pada April lepas dan dijangka siap akhir tahun depan.

Inilah kali pertama Suku Temuan mendapat hakmilik individu.

Selain itu, 140 rumah teres dua tingkat di Sungai Buloh diberikan dengan hakmilik kepada Orang Asli Bukit Lanjan untuk disewakan sebagai satu daripada sumber pendapatan di samping 130 unit rumah pangsa dengan hakmilik diberikan kepada golongan bujang.

Satu lagi faedah yang mereka perolehi ialah latihan kemahiran dalam bidang pembinaan dengan peruntukan awal berjumlah RM200,000.

Faedah lain ialah peruntukan RM7,924,060 bagi tabung pendidikan anak-anak mereka.

Batin merangkap pengerusi JKKK Orang Asli Bukit Lanjan serta Lembaga Adat, Encik Ismael bin Chat berkata, beliau dan anak-anak buahnya amat berbesar hati dengan pemberian rumah dan pampasan lain itu.

"Pada mulanya memang kami tak faham tetapi sekarang sudah faham tujuan pengambilan tanah itu adalah untuk pembangunan dan kami berpuashati dengan pembayaran dan pampasan," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat perundingan awal, Orang Asli telah menyenaraikan beberapa tuntutan.

Orang Asli Bukit Lanjan sekarang melalui perubahan hidup dengan melakukan pelbagai pekerjaan seperti cuci pejabat, pembantu di nurseri tanaman, kerja di restoran dan seumpamanya, katanya.

Sebelum ini mereka bekerja mencari hasil hutan, menangkap ikan dan bercucuk tanam di kebun seluas 0.4 hektar dengan anggaran pendapatan RM200 sebulan.

"Boleh dikatakan kami puashati setakat ini dengan apa yang berlaku," katanya.

Perkampungan Orang Asli Bukit Lanjan sebelum ini terdiri daripada tiga kampung iaitu Kampung Ujung seluas 6 hektar, Kampung Luar seluas 20-24 hektar dan Kampung Dalam seluas 32-36 hektar. Kawasan yang sedang dibangunkan ialah Kampung Ujung.

Mengenai program latihan kemahiran, kumpulan pertama terdiri daripada 16 belia Orang Asli Bukit Lanjan sedang mengikuti latihan yang dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui badan latihannya Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn Bhd.

Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat Saujana Triangle Sdn Bhd, Encik Abdullah Latiff berkata, latihan belia Orang Asli dalam bidang pembinaan adalah yang pertama seumpamanya di negara ini dan ia diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memberikan mereka kemahiran berasaskan kecekapan yang diperlukan dalam industri binaan.

Bentuk latihan yang berasaskan kecekapan kemahiran akan memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan dalam industri pembinaan, menjadi kontraktor atau usahawan di samping meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi yang akhirnya satu "anjakan paradigma" secara keseluruhan akan berlaku kepada masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan pada masa akan datang.

Program latihan bagi kumpulan berkenaan dijalankan sejak 21 Sept lepas di Bukit Lanjan, yang dimulakan dengan kursus menerap batu-bata, melepasa serta memasang jubin. Jenis binaan lain ialah memasang paip dan pertukangan kayu dan mereka kini menjalani latihan keempat iaitu memandu jengkaout (jentera pengaut).

Kumpulan pertama ini akan tamat latihan menjelang September ini.

Abdullah berkata, para pelatih juga menjalani latihan sambil bekerja di tapak binaan di bawah penyeliaan bersama kontraktor.

Bagi tujuan itu, Syarikat Kumpulan Emkay memeterai perjanjian dengan para kontraktornya bagi mengadakan latihan sambil bekerja dan mengambil mereka yang telah tamat serta lulus program latihan untuk bekerja termasuk di dalam rangkaian projek-projek Syarikat Kumpulan Emkay.

Dengan persetujuan itu, peluang-peluang mendapatkan pekerjaan dan perniagaan bagi belia Orang Asli Bukit Lanjan adalah dijamin, katanya.

Mereka juga diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pembinaan rumah banglo mereka sendiri kelak seperti menerap batu-bata, melepasa, memasang jubin dan lain-lain, yang telah bermula pada awal April.

Seorang peserta latihan Norazman bin Jamalain, 18, ketika ditemui berharap latihan yang diperolehi itu akan membuka peluang kepadanya mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat pembinaan dengan gaji yang lumayan untuk meringankan perbelanjaan keluarga.

Anak keempat daripada lima orang adik-beradik itu sebelum ini melakukan kerja-kerja kampung dan pendapatan antara RM200 hingga RM300 sebulan.

Sementara itu Azman bin Hamadan, 18, anak sulung daripada 14 orang adik-beradik berhasrat untuk menarik rakan-rakan lain menyertai program latihan berkenaan.

"Saya mahu kalau boleh buka perniagaan sendiri suatu hari kelak dan tunjukkan bahawa Orang Asli juga boleh", katanya.

-- BERNAMA

CR/RS